

Lelaki mengugut hendak cederakan wanita menggunakan parang didenda RM2,700

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM2,700 di Mahkamah Majistret semalam akibat mengugut hendak menyebabkan kecederaan terhadap seorang wanita menggunakan sebilah parang pada 2024.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan Mohamad Yazid Abdul Jalil, 43, untuk dipenjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh mengaku bersalah mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan,

lelaki itu didakwa melakukan ugutan jenayah terhadap seorang wanita berusia 35 tahun dengan mengancam untuk mencederakannya menggunakan sebilah parang dalam satu kejadian pada 30 Oktober 2024, sekitar jam 2 petang di hadapan sebuah rumah di Lorong Sourabaya Indah di sini.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh tidak berpuas hati selepas mangsa membunyikan hon di hadapan alamat tersebut ketika hendak menjemput dua anak kandungnya.

Tertuduh kemudian mengambil sebilah parang yang bersarung dan mengacukannya ke hadapan muka

pengadu.

Selain itu, tertuduh turut memukul bahagian pelindung hujan di cermin bahagian pemandu kenderaan mangsa.

Mangsa yang berasa takut dengan kejadian itu seterusnya bertindak membuat laporan polis dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh pada 16 November 2024.

Polis turut merampas sebilah parang bersarung daripada tertuduh yang disyaki digunakan semasa kejadian.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan.